



**KETUA SETIAUSAHA**  
(Secretary General)  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
MINISTRY OF WOMEN, FAMILY  
AND COMMUNITY DEVELOPMENT  
Aras 36, No.55, Persiaran Perdana,  
Presint 4,  
62100 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA.



Tel: 03 - 8000 8000  
Faks : 03 - 8323 2003  
Portal Rasmi: [www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)  
Email: [sabariah@kpwkm.gov.my](mailto:sabariah@kpwkm.gov.my)

KPWKM(S): 18/45/01( 13 )  
3 April 2015

Senarai seperti edaran

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

## **KAWALAN DAN PENGAWASAN TATATERTIB DI SETIAP PERINGKAT DALAM JABATAN/JABATAN/CAWANGAN/UNIT**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, di bawah Peraturan 3C, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, [P.U.(A)395/1993] telah menyatakan bahawa adalah menjadi tugas setiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai dan kakitangan bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan **seberapa segera yang mungkin bagi apa-apa pelanggaran disiplin**. Perkara ini hendaklah diambil perhatian serius oleh semua penyelia di setiap peringkat samada di jabatan/bahagian/cawangan/unit bagi memastikan usaha-usaha ke arah pemantapan keutuhan dan integriti penjawat awam dapat ditingkatkan di samping imej perkhidmatan awam akan kekal terpelihara.

3. Selaras dengan itu, maklumat lengkap senarai penyelia beserta pegawai bawahannya di setiap peringkat hendaklah diwujudkan bagi tujuan kawalan dan pengawasan tatatertib oleh YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan. Maklumat tersebut juga hendaklah disimpan dan dikemaskini dari masa ke masa sekiranya berlaku sebarang pertukaran pegawai dan sebagainya.

4. Sehubungan itu, YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil maklum dan memantau perkara ini, seterusnya mengingatkan semua pegawai dan kakitangan bawahan supaya



BERIM  
CERTIFIED TO MS ISO 9001:2000  
Registration No: AR 5055



MS ISO/IEC 17021:2006  
CS 02/12/1999 CB 01

**TALIAN MUK**  
**15999**

mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kementerian ingin menekankan bahawa tindakan tatatertib hendaklah diambil ke atas mana-mana penyelia yang gagal menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib terhadap pegawai atau kakitangan bawahannya, kerana boleh disifatkan sebagai cuai dalam menjalankan tugas dan tidak bertanggungjawab, iaitu melanggar tatakelakuan pegawai awam selaras peraturan 4(2)(g) dan 4(2)(j) P.U.(A)395/1993 yang menyatakan seperti berikut:

- 4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –  
(g) tidak bertanggungjawab; dan  
(j) cuai dalam menjalankan tugas-tugasnya.

5. Keperluan kawasan dan pengawasan tatatertib ini perlu dipanjangkan kepada semua pegawai penyelia di peringkat Jabatan/Bahagian/Cawangan/Unit. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Unit Integriti  
Aras 26, Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
No. 55 Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 Putrajaya  
Tel.: 03-8323 1132/1134/1161/2518  
Emel: [integriti@kpwkm.gov.my](mailto:integriti@kpwkm.gov.my)

6. Kerjasama dan tindakan pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.



**DATO' SABARIAH HASSAN**

s.k.: TKSU(O)  
TKSU(S)